

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

RAYUAN

1. **S:** Saya telah menerima Surat Makluman Tidak Lulus. Bilakah rayuan bermula?

J: Rayuan boleh dibuat di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran **bermula 01 Julai 2019 sehingga 15 Ogos 2019** (tertakluk pada pindaan). Kaunter Rayuan BSH di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM hanya dibuka pada hari bekerja sahaja.

2. **S:** Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan BSH 2019?

J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan BSH 2019 adalah:
i. Pemohon yang berstatus Tidak Lulus BSH 2019; atau
ii. Pemohon yang berstatus Lulus BSH 2019 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak sahaja.

3. **S:** Adakah Permohonan Rayuan BSH 2019 boleh dibuat secara dalam talian?


J: Ya. Permohonan Rayuan BSH 2019 boleh dibuat secara dalam talian di Portal Rasmi BSH LHDNM, <https://bsh.hasil.gov.my>. Walau bagaimanapun, Permohonan Rayuan BSH 2019 secara dalam talian hanya dibenarkan untuk pemohon berstatus tidak lulus dengan **satu (1) Kod Alasan Tidak Lulus sahaja dan Status Lulus bagi Rayuan Tambahan** seperti di bawah:

1.	RAYUAN (PERMOHONAN TIDAK LULUS BSH 2019)	
	KOD TIDAK LULUS	ALASAN TIDAK LULUS
i.	05	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000
ii.	06	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000 termasuk Perniagaan
iii.	08	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhadap
iv.	09	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhadap
v.	38	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
2.	RAYUAN TAMBAHAN (PERMOHONAN LULUS BSH 2019)	
	Rayuan dibenarkan bagi tambahan Anak sahaja	

4. **S: Adakah Permohonan Rayuan dalam talian memerlukan Nombor TAC?**

J: Permohonan Rayuan Dalam Talian boleh dibuat seperti berikut:

i. **Menu Rayuan:**



Pemohon boleh membuat Permohonan Rayuan melalui Pengesahan *Captcha Code* (tanpa memerlukan Nombor TAC) seperti dibawah; atau

Untuk teruskan proses Permohonan Rayuan, sila isikan captcha dan klik butang carian.



Hantar Kembali

ii. **Menu MyBSH > Permohonan Rayuan:**



Pemohon boleh membuat Permohonan Rayuan dan memerlukan Nombor TAC untuk Log Masuk MyBSH

5. **S: Adakah saya perlu memuatnaik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan Dalam Talian?**

J: Permohonan Rayuan yang dibenarkan secara Dalam Talian tidak perlu memuatnaik dokumen sokongan. Ini kerana semakan dilakukan 100% berdasarkan data yang diterima daripada agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

6. **S: Saya membuat Permohonan Rayuan Secara Dalam Talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi Permohonan Rayuan. Adakah saya masih boleh membuat Kemas Kini Rayuan secara dalam talian?**

J: Permohonan Rayuan Secara Dalam Talian **hanya boleh dibuat sekali sahaja**. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, tuan boleh menghantar Kemas Kini Rayuan Ke Cawangan LHDNM dengan mengisi Borang BSH 2019 (BK-01).

7. **S: Saya telah membuat Permohonan Rayuan secara dalam talian. Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan semula Permohonan Rayuan yang telah saya hantar?**

J: Tuan boleh membuat semakan semula pada **MyBSH > Permohonan Rayuan**. Cetakan juga boleh dibuat pada Menu berkenaan.

8. S: Permohonan BSH 2019 suami saya berstatus tidak lulus dan beliau juga telah meninggal dunia. Adakah saya perlu membuat Permohonan Rayuan ke atas permohonan tidak lulus berkenaan?

J: Permohonan Rayuan ke atas pemohon yang telah meninggal dunia tidak dibenarkan. Oleh itu, tuan boleh hadir ke Cawangan LHDNM untuk membuat Permohonan Baru Rayuan.

PENGESAHAN PENGENALAN

KOD ALASAN 01 / 02 / 03

9. S: Saya tidak lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?

J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan adalah Dokumen asal / salinan MyKAD tuan. Pemprosesan rayuan akan dibuat berdasarkan semakan maklumat di JPN.

10. S: Saya tidak lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan JPN. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?

J: Tuan perlu hadir ke Cawangan LHDNM dengan membawa dokumen seperti berikut:

- i. **Pengesahan Pengenalan Pasangan:** MyKAD / MyPR / MyKID / MyKAS Pasangan.
- ii. **Pengesahan Pengenalan Anak:** MyKad / MyKid dan Sijil Lahir Anak. Semakan pengenalan dan status Warga negara Anak akan dibuat dengan data JPN.

PENGESAHAN PENDAPATAN

KOD ALASAN 05 / 06

11. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian pendapatan tuan atau pasangan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Permohonan Rayuan boleh dibuat oleh tuan secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

12. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM4,000 termasuk perniagaan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian pendapatan tuan atau pasangan. Semakan pendapatan dan pemilikan perniagaan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Permohonan Rayuan boleh dibuat oleh tuan secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Walau bagaimanapun, sekiranya perniagaan yang didaftarkan oleh tuan / pasangan di SSM telah ditamatkan sebelum atau pada 31 Disember 2018, dokumen berkenaan boleh dikemukakan ke Cawangan LHDNM.

13. S: Apakah pendapatan yang diambil kira bagi penentuan kelayakan BSH 2019?

J: Pendapatan yang diambil kira adalah 100% berdasarkan data yang diterima daripada agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Sekiranya semakan agensi mendapati tuan / pasangan memiliki satu (1) Perniagaan Milikan Tunggal dan tidak mempunyai pendapatan selain perniagaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menetapkan kelayakan BSH 2019 adalah bagi kategori kelulusan RM750.

PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN KOD ALASAN 07 / 08 / 09

14. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah kod 07 iaitu Pemohon / Pasangan memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Dokumen yang perlu dikemukakan adalah Sijil Pendaftaran Perniagaan bagi mengesahkan pemilikan perniagaan berkenaan adalah milik tuan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menetapkan bagi pemohon yang memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian tidak layak menerima BSH 2019.

15. S: Saya merupakan Pemegang saham bagi sebuah syarikat. Apa dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

J: Sekiranya tuan adalah Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / memiliki Perkongsian Liabiliti Terhad, tuan tidak perlu mengemukakan sebarang pembuktian perniagaan kerana semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Walau bagaimanapun, sekiranya tuan telah meletak jawatan Pengarah Syarikat atau

Perniagaan berkenaan telah tamat sebelum atau pada 31 Disember 2018, tuan boleh kemukakan pembuktian berkenaan semasa Permohonan Rayuan BSH 2019.

16. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan telah tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat rayuan?

J: Tuan boleh membuat Permohonan Rayuan BSH 2019. Walau bagaimanapun semakan akan dibuat dengan agensi dan sekiranya tuan / pasangan masih wujud sebagai Pemegang Saham Syarikat / syarikat masih aktif, rayuan tuan tidak akan dipertimbangkan. Sekiranya tuan ada pembuktian Dokumen Tamat Perniagaan / letak jawatan Pengarah Syarikat bagi syarikat berkenaan sebelum atau pada 31 Disember 2018, tuan boleh kemukakan pembuktian dokumen berkenaan semasa Permohonan Rayuan BSH 2019.

17. S: Permohonan saya tidak lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?

J: Tuan boleh membuat Permohonan Rayuan BSH 2019. Walau bagaimanapun sekiranya semakan dibuat berdasarkan data agensi yang diterima dan nama perniagaan berkenaan masih dimiliki oleh tuan / pasangan, pendapatan akan dikira sebagai pendapatan tuan / pasangan. Kelayakan BSH 2019 yang ditetapkan adalah bagi kategori kelulusan RM750 sekiranya tuan / pasangan memiliki satu (1) Perniagaan Milikan Tunggal dan tidak mempunyai pendapatan selain perniagaan.

PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN KOD ALASAN 12 / 13 / 14

18. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan. Kenderaan berkenaan digunakan oleh ibu bapa saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?

J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen seperti berikut ke Cawangan LHDNM bagi penentuan kelayakan BSH 2019:

- i. Perjanjian Sewa Beli Kenderaan; **atau**
- ii. Dokumen penukaran hak milik kenderaan; **atau**
- iii. Dokumen penjualan / pelupusan kenderaan

19. S: Anak yang saya laporkan semasa permohonan BSH tidak layak kerana had kemampuan anak memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?

J: Tuan tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen pembuktian pemilikan kenderaan bagi anak berkenaan dan tidak layak dipertimbangkan untuk tambahan RM120. Sekiranya tuan mempunyai anak lain yang menepati syarat kelayakan BSH 2019 boleh didaftarkan semasa rayuan bagi pertimbangan tambahan RM120.

PENGESAHAN STATUS PERKAHWINAN

KOD ALASAN 30 / 31 / 32 /

20. S: Permohonan saya tidak lulus kerana Status Perkahwinan Perlu Pengesahan. Apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa Rayuan?

J: Tuan perlu mengemukakan Dokumen sokongan bagi pembuktian status perkahwinan terkini (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) bagi pertimbangan Rayuan seperti berikut:

- i. Sijil Perkahwinan / Perceraian sebelum atau pada 15 Mac 2019; atau
- ii. Sijil Kematian pasangan sehingga tarikh semasa

DUPLIKASI PERMOHONAN

KOD ALASAN 15 / 16 / 17 / 20 / 21 / 22 / 23

21. S: Saya dan suami telah membuat permohonan BSH 2019 secara berasingan dan tidak lulus kerana berlaku pertindihan maklumat. Adakah saya boleh membuat Rayuan?

J: Tuan boleh membuat Rayuan dengan mengemukakan dokumen sokongan bagi pembuktian status perkahwinan terkini (Kahwin / Perceraian / Kematian Pasangan) bagi pertimbangan Rayuan.

- i. Sekiranya Suami adalah Penerima Fasa 1, Permohonan Rayuan perlu dibuat ke atas Permohonan Suami. Jika suami berumur 59 tahun dan ke bawah, maklumat akaun yang didaftarkan adalah maklumat akaun isteri.
- ii. Sekiranya kedua-dua permohonan adalah Permohonan Baru (bukan penerima Fasa 1), rayuan boleh dibuat ke atas nama isteri bagi pemohon berumur 59 tahun dan ke bawah.

ALASAN KOD-KOD LAIN TIDAK LULUS

22. S: Permohonan saya tidak lulus kerana Pasangan Bukan Warganegara dan tidak mempunyai anak. Saya mempunyai anak yang tidak didaftarkan semasa permohonan BSH 2019. Adakah semasa Rayuan saya boleh daftarkan anak berkenaan?

J: Ya. Semasa Permohonan Rayuan tuan perlu melaporkan maklumat anak yang menepati syarat kelayakan BSH 2019 dengan membawa dokumen sokongan seperti berikut:

- i. MyKAD / MyKID anak; dan
- ii. Sijil Lahir Anak

Rayuan hanya boleh dipertimbangkan bagi anak yang lahir sebelum atau pada 15 Mac 2019.

23. S: Saya diluluskan BSH dengan amaun kelulusan RM500 (kategori pendapatan RM3,001 – RM4,000). Saya tidak bekerja mulai 1 Februari 2019. Adakah saya layak membuat Rayuan?

J: Rayuan BSH 2019 bagi pendapatan tidak dibenarkan kepada permohonan pemohon yang telah lulus. Ini kerana bagi BSH 2019, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah menetapkan pendapatan yang diambilkira bagi penentuan kelayakan BSH adalah pada 31 Disember 2018 dan semakan pendapatan adalah berdasarkan Agensi.

24. S: Permohonan saya tidak lulus kerana semakan mendapati anak mempunyai pendapatan yang tinggi (Kod 41). Adakah saya layak untuk membuat Rayuan dan apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan?

J: Kerajaan telah menetapkan bagi Ibu Bapa yang mempunyai anak berpendapatan tinggi, Bantuan BSH 2019 dari Kerajaan tidak layak diterima. Ini bertujuan mewujudkan Keluarga Penyayang di Malaysia. Walau bagaimanapun, tuan boleh membuat Rayuan tanpa perlu kemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dibuat semula berdasarkan data agensi bagi penentuan kelayakan BSH 2019.

25. S: Apakah Dokumen Sokongan yang perlu dibawa semasa BSH 2019?

J: Dokumen sokongan yang perlu dibawa semasa BSH 2019 adalah berdasarkan Kod Tidak Lulus BSH 2019 seperti di bawah:

KOD TIDAK LULUS BSH 2019 DAN DOKUMEN SOKONGAN

KOD		PENERANGAN
01	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD Pemohon
02	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan
03	ALASAN	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan status Kewarganegaraan)
04	ALASAN	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan hubungan pertalian)
05	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000
	TINDAKAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
06	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM4,000 termasuk Perniagaan
	TINDAKAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan dan perniagaan ii. Semakan pendapatan dan perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
07	ALASAN	Pemohon / Pasangan memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN	Permohonan dipertimbangkan sekiranya pemohon dan pasangan memiliki perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian yang sama. i. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Pendaftaran Perniagaan

08	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian perniagaan ii. Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) iii. Rayuan dipertimbangkan terhadap kepada pembuktian Dokumen Tamat Perniagaan / Letak Jawatan Pengarah Syarikat sehingga tempoh 31 Disember 2018
09	ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian perniagaan ii. Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) iii. Rayuan dipertimbangkan terhadap kepada pembuktian Dokumen Tamat Perniagaan / Letak Jawatan Pengarah Syarikat sehingga tempoh 31 Disember 2018
10	ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan. ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
11	ALASAN	Semakan agensi mendapati Anak tidak melepasi syarat kelayakan bagi umur lebih dari 18 tahun sebagai OKU atau Pelajar Sepenuh Masa
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian sebagai OKU ii. Semakan status OKU / Pelajar Sepenuh Masa akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) iii. Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2018
12	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan Pemohon memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> iv. Perjanjian Sewa Beli Kenderaan bagi Pemohon; atau v. Dokumen penukaran hak milik Kenderaan; atau vi. Dokumen penjualan / Pelupusan Kenderaan
13	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan Pasangan memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Perjanjian Sewa Beli Kenderaan bagi Pasangan; atau ii. Dokumen penukaran hak milik Kenderaan; atau iii. Dokumen penjualan / Pelupusan Kenderaan
14	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan Anak memiliki kenderaan melebihi syarat kelayakan

	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian pemilikan kenderaan ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120 iii. Rayuan dipertimbangkan bagi tambahan RM120 sekiranya mempunyai anak lain yang menepati syarat kelayakan BSH 2019
15	ALASAN	Pengesahan Pemohon (A) kerana berlaku pertindihan maklumat Pemohon (A) sebagai Pasangan (A) di permohonan lain (B)
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ul style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
16	ALASAN	Pemohon dan Pasangan membuat permohonan berasingan dengan status kahwin dan maklumat yang sama
	TINDAKAN	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ul style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
17	ALASAN	Pemohon (A) wujud sebagai Pasangan (A) pada permohonan Pasangan (B) dengan maklumat perkahwinan yang sama.

	TINDAKAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p> <p>ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
18	ALASAN	Pemohon wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pemohon
19	ALASAN	Pasangan wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pasangan
20	ALASAN	Pengesahan Pasangan kerana berlaku pertindihan maklumat Pasangan sebagai Pemohon di permohonan lain
	TINDAKAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Kahwin</p> <p>a) MyKAD Pemohon; dan</p> <p>b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)</p> <p>ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)</p>
21	ALASAN	Pengesahan Pasangan kerana berlaku pertindihan maklumat Pasangan sebagai Pasangan di permohonan lain

	TINDAKAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
22	ALASAN	Pasangan (B) wujud sebagai Pemohon (B) dengan maklumat perkahwinan yang sama.
	TINDAKAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
23	ALASAN	Pasangan (B) wujud sebagai Pemohon (B) dengan maklumat perkahwinan yang sama kerana penerima Fasa 1 tidak mengemaskini permohonan
	TINDAKAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)

24	ALASAN	Anak telah membuat permohonan lain
	TINDAKAN	i. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120 ii. Rayuan dipertimbangkan bagi tambahan RM120 sekiranya mempunyai anak lain yang menepati syarat kelayakan BSH 2019
25	ALASAN	Anak wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN	i. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120 ii. Rayuan dipertimbangkan bagi tambahan RM120 sekiranya mempunyai anak lain yang menepati syarat kelayakan BSH 2019
28	ALASAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan
	TINDAKAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Status Kahwin a) MyKAD Pemohon; dan b) MyKAD / MyPR / MyKAS c) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)
30	ALASAN	Status Perkahwinan perlu pengesahan
	TINDAKAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Status Kahwin a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)
31	ALASAN	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
	TINDAKAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
32	ALASAN	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
	TINDAKAN	1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 15 Mac 2019 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda a) Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)

33	ALASAN	Pasangan Bukan Warganegara dan tidak mempunyai Anak
	TINDAKAN	1. Tidak dipertimbangkan sekiranya tidak mempunyai anak 2. Jika mempunyai anak, dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan hubungan pertalian)
34	ALASAN	Tidak melaporkan maklumat Anak
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan hubungan pertalian)
35	ALASAN	Pasangan meninggal dunia
	TINDAKAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Sijil Lahir Anak (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia wujud dalam sijil lahir)
36	ALASAN	Anak meninggal dunia
	TINDAKAN	i. Anak berkenan Tidak layak dipertimbangkan bagi tambahan RM120 ii. Rayuan dipertimbangkan bagi tambahan RM120 sekiranya mempunyai anak lain yang menepati syarat kelayakan BSH 2019
37	ALASAN	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
	TINDAKAN	Pemohon perlu hadir sendiri ke LHDNM dan membuktikan menetap di Malaysia sebelum atau pada 15 Mac 2019 kecuali kategori Warga Emas pertimbangan akan terus diambil oleh LHDNM tanpa pembuktian menetap di Malaysia
38	ALASAN	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
	TINDAKAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
39	ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah yang melebihi RM500,000 dalam tahun 2018
	TINDAKAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)
41	ALASAN	Semakan mendapati Anak Pemohon / Pasangan mempunyai pendapatan yang tinggi
	TINDAKAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pendapatan anak ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)